

Kapsul Agrylin 0.5mg

Anagrelide (sebagai hidroklorida)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Agrylin
2. Bagaimana Agrylin berfungsi
3. Sebelum mengambil Agrylin
4. Cara menggunakan Agrylin
5. Semasa menggunakan Agrylin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Agrylin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Apakah kegunaan Agrylin

Agrylin digunakan untuk merawat penyakit yang dikenali sebagai “essential thrombocythaemia”, dimana pesakit mempunyai bilangan platlet darah yang terlalu tinggi.

Essential thrombocythaemia adalah satu keadaan dimana sumsum tulang menghasilkan platlet (sejenis sel darah) dengan banyak. Platlet berfungsi untuk membantu darah membeku. Bilangan platlet yang banyak dalam darah boleh mengakibatkan masalah pada peredaran darah serta pembekuan darah.

Sila tanya doktor anda jika anda ada sebarang soalan tentang mengapa anda disuruh mengambil ubat ini.

Bagaimana Agrylin berfungsi

Agrylin berfungsi untuk mengurangkan bilangan platlet dalam badan anda.

Agrylin mengandungi ubat yang dikenali sebagai ‘anagrelide hydrochloride’ yang bertindak pada sumsum tulang dan melambatkan penghasilan platlet. Ini akan mengurangkan bilangan platelet dalam darah ke tahap yang lebih normal dan membantu untuk mencegah masalah peredaran darah.

Sebelum menggunakan Agrylin

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Agrylin jika:

- Anda alah kepada anagrelide atau mana-mana bahan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

- Anda mempunyai masalah hati pada tahap sederhana atau teruk.
- Anda mempunyai masalah buah pinggang pada tahap sederhana atau teruk.

Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor anda jika;

- Anda mempunyai masalah dengan hati dan buah pinggang
- Anda mempunyai masalah jantung, atau merasakan anda mungkin mempunyai masalah jantung
- Anda hamil atau merancang untuk hamil
- Anda menyusukan bayi

Agrylin mengandungi laktosa. Sekiranya anda mempunyai masalah untuk menghadam laktosa (laktose intolerance) atau sensitif kepada sesetengah jenis gula, anda tidak boleh mengambil Agrylin.

Agrylin tidak digalakkan pada wanita hamil atau wanita yang mungkin hamil. Jika anda hamil ketika mengambil Agrylin, anda haruslah berhenti mengambil kapsul Agrylin ini dan segera berjumpa doktor. Langkah pencegahan hamil yang sewajarnya perlu diambil oleh wanita yang mengambil Agrylin dan yang berisiko untuk hamil.

Kombinasi ubat ini dengan *acetylsalicylic acid (aspirin)*, terdapat peningkatan risiko berlakunya pendarahan (sila rujuk bahagian ‘Jika mengambil ubat-ubat lain’).

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda ada mengambil ubat-ubat yang lain atau produk-produk kesihatan semulajadi, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Agrylin boleh mengganggu antara satu sama lain dan mungkin tidak akan berfungsi dengan baik jika diambil bersama. Ini termasuk:

- Acetylsalicylic acid (aspirin) atau ubat yang mengandungi acetylsalicylic acid.
- Ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan seperti fluvoxamine.

- Ubat yang digunakan untuk merawat masalah gastro-usus seperti omeprazole.
- Ubat yang digunakan untuk merawat asma yang teruk dan masalah pernafasan seperti theophylline.
- Ubat yang digunakan untuk merawat sakit jantung seperti milrinone, enoximone, amrinone, olprinone dan cilostazol.
- Ubat-ubat lain yang digunakan untuk merawat sakit yang berkaitan dengan platlet dalam darah.

Cara menggunakan Agrylin

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Arahan doktor atau ahli farmasi mungkin berlainan dengan maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Berapa banyak harus digunakan

Kebiasaannya, dos permulaan untuk orang dewasa adalah 1 mg (2 kapsul) setiap hari, iaitu dengan mengambil 1 kapsul, 2 kali sehari untuk sekurang-kurangnya selama satu minggu.

Maklumat tentang penggunaan ubat ini pada kanak-kanak adalah terhad, dengan itu dos permulaan yang disarankan adalah 0.5mg (1 kapsul) sehari.

Doktor anda mungkin akan menambah atau mengurangkan bilangan kapsul yang perlu diambil, untuk memastikan anda mendapat dos yang sesuai untuk memastikan anda mendapat rawatan yang efektif. Penambahan dos haruslah tidak melebihi 0.5mg (1 kapsul) seminggu dan setiap dos diambil pada hari tersebut haruslah tidak melebihi 2.5mg (5 kapsul).

Jika anda warga emas, anda perlu mengambil dos orang dewasa.

Doktor anda mungkin akan memeriksa penyakit jantung anda sebelum atau ketika anda menjalani rawatan.

Ujian darah akan dilakukan pada permulaan rawatan anda dan

Kapsul Agrylin 0.5mg

Anagrelide (sebagai hidroklorida)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna

kemudiannya masa yang ditetapkan. Ini akan membantu doktor anda memastikan Agrylin berfungsi dengan berkesan untuk anda.

Bila perlu digunakan

Waktu pengambilan yang terbaik adalah dengan mengambil kapsul pada masa yang sama setiap hari. Kapsul ini boleh diambil dengan makanan, selepas makan, atau dengan perut kosong. Telan kapsul anda dengan segelas air.

Berapa lama perlu digunakan

Anda tidak boleh menghentikan pengambilan Agrylin tanpa nasihat doktor. Jika Agrylin telah berjaya mengurangkan bilangan platlet yang berlebihan dalam darah anda, menghentikan penggunaan Agrylin akan menyebabkan platlet dalam darah anda bertambah semula dalam masa tiga hingga empat hari. Ini akan menyebabkan masalah peredaran darah anda kembali berlaku.

Jika anda berasa kurang sihat semasa rawatan anda, sila beritahu doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk mengambil dos Agrylin, ambil dos tersebut dengan segera setelah anda ingat, melainkan jika telah hampir masa untuk dos yang seterusnya. Tidak perlu ambil dos yang anda terlupa jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba. Jangan ambil dua dos pada waktu yang sama.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda berasa bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil kapsul Agrylin terlalu banyak, sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke jabatan kecemasan hospital, walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Simptom akibat dos berlebihan termasuk degupan jantung yang pantas, muntah-muntah dan pendarahan.

Semasa menggunakan Agrylin

Perkara yang perlu dilakukan

Pastikan bahawa semua doktor dan ahli farmasi anda tahu bahawa anda mengambil Agrylin. Ingatkan mereka bahawa anda menggunakan Agrylin jika anda hendak memulakan pengambilan ubat yang baru. Semasa mengambil Agrylin anda harus mengambil dos yang ditetapkan oleh of doctor anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Ini mungkin berbahaya bagi orang lain untuk mengambil Agrylin. Anda tidak boleh berhenti mengambil ubat ini secara tiba-tiba, kerana anda mungkin mempunyai peningkatan risiko strok.

Jangan berhenti mengambil kapsul Agrylin atau menukar dos tanpa memeriksa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Agrylin boleh menyebabkan kepeningan pada sesetengah pesakit. Berhati-hati sekiranya anda memandu atau mengendalikan jentera, sehinggalah anda tahu bagaimana Agrylin memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi dengan segera sekiranya anda merasa tidak selesa semasa pengambilan Agrylin. Seperti ubat-ubat yang lain, Agrylin boleh memberi kesan sampingan tetapi tidak kesemuanya mengalami masalah yang sama. Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan dan selalunya hilang selepas beberapa minggu rawatan.

Beberapa kesan sampingan yang serius yang boleh berlaku termasuk:

- Masalah jantung, termasuk serangan jantung atau gangguan pada degupan jantung, pembesaran jantung.
- Angin ahmar (strok)
- Sakit dada dengan atau tanpa bernafas dengan terlebih pantas
- Masalah paru-paru termasuk sesak nafas, bunyi berdehit atau kesukaran bernafas
- Alahan batuk-batuk
- Sakit bahagian abdomen, perut tidak selesa, muntah berdarah atau membuang air besar berwarna hitam

- Kulit dan mata berwarna kuning yang disebabkan oleh radang hati (hepatitis)
- Sawan

Jika anda mendapati mana-mana kesan-kesan ini berlaku, anda perlu menghubungi doktor anda dengan segera.

Kesan sampingan yang biasa berlaku dengan Agrylin adalah seperti berikut:

- Sakit kepala
- Sakit-sakit badan termasuk bahagian belakang dan dada.
- Kepeningan
- Berdebar-debar, degupan jantung yang luar biasa
- Bengkak air pada tangan atau kaki.
- Sakit bahagian abdomen
- Sukar atau sakit untuk bernafas
- Hilang selera makan
- Angin, cirit-birit, rasa loya dan muntah
- Rasa tidak sihat
- Lemah-lemah badan
- Demam
- Batuk yang semakin teruk
- Rasa menyucuk seperti terkena jarum atau pin.

Beberapa pesakit yang mengambil Agrylin telah mengalami sejuk menggigil, tanda-tanda selesema, sensitif terhadap cahaya, degupan jantung tidak normal, pendarahan, tekanan darah tinggi, sakit dada, tekanan darah rendah yang boleh menyebabkan rasa ringan/pening kepala ketika berdiri, darah beku, salur darah mengembang, migrain, pengsan, ulser mulut, sendawa, sel darah merah rendah (anemia), bilangan platlet darah menurun, kelenjar bengkak pada leher, ketiak atau pangkal paha, jangkitan, peningkatan enzim hati (doktor mungkin akan menjalankan ujian darah dimana ini akan menunjukkan peningkatan kandungan enzim hati anda), kulit kemerahan (flushing), sembelit, mulut kering, lebam-lebam, sakit otot, sakit sendi, kejang kaki, kemurungan, pening, kecelaruan, kesukaran untuk tidur (insomnia), rasa gementar, hilang ingatan, kekurangan air (dehidrasi), hidung berair, hidung

Kapsul Agrylin 0.5mg

Anagrelide (sebagai hidroklorida)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna

berdarah, jangkitan pada paru-paru, jangkitan pada sinus, keguguran rambut, masalah kulit, masalah telinga (telinga berdengung), penglihatan berkembar, masalah penglihatan, sakit ketika membuang air kecil atau terdapat darah dalam air kecil, inflamasi pada buah pinggang.

Sekiranya perkara-perkara ini mengganggu anda, maklumkan pada doktor.

Sebagai langkah berjaga-jaga, doktor anda mungkin menguji darah, hati dan buah pinggang dengan kerap semasa rawatan dengan Agrylin.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah pesakit. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda perasan terdapat kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Agrylin

Penyimpanan

Simpan Agrylin di dalam botol asalnya.

Jangan gunakan jika tarikh luput (EXP) yang telah dicetak pada botol telah lepas.

Simpan kapsul Agrylin pada suhu bawah 30°C.

Jauhkan daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Pelupusan

Sekiranya doktor telah menghentikan pengambilan Agrylin, jangan simpan kapsul Agrylin belum digunakan kecuali dengan arahan doktor.

Sila rujuk dengan ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan dengan kapsul Agrylin yang tidak digunakan.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Kapsul Agrylin 0.5mg adalah berwarna putih legap, berkapsul keras. Ianya ditanda dengan huruf dan nombor 'S 063'.

Bahan-bahan kandungan

Setiap kapsul mengandungi 0.5 mg bahan aktif anagrelide (sebagai anagrelide hydrochloride).

Bahan-bahan lain adalah:

Kapsul mengandungi: povidone, crospovidone, anhydrous lactose, lactose monohydrate, microcrystalline cellulose and magnesium stearate. Sarung kapsul: gelatin and titanium dioxide (E171). Dakwat cetakan: shellac, dehydrated alcohol, isopropyl alcohol, butyl alcohol, propylene glycol, strong ammonium solution, potassium hydroxide, black iron oxide (E172), air.

Nombor MAL

MAL13055062ACRZ

Pengilang

Patheon Manufacturing Services LLC 5900 Martin Luther King Jr. Highway Greenville North Carolina 27834 United States

Dipek oleh:

Delpharm Evreux
5 Rue Du Guesclin, Evreux, 27000, France

Pemegang Pendaftaran Produk

Takeda Malaysia Sdn. Bhd.
Unit TB-L13-1, Level 13, Tower B, Plaza 33, No.1, Jalan Kemajuan, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP:

18/12/2024

Nombor Siri

NPRA (R1/2) 03082021/134